

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14 APRIL 2017

# Pelantikan Hishammuddin tiada kaitan pengukuhan kuasa Najib

BH - 14/4/2017

Seperti kita sedia maklum, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan pelantikan Datuk Seri Hishammuddin Hussein sebagai Menteri Dengan Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri berkuat kuasa kelmarin.

Pelbagai komen dibuat ahli politik khususnya pembangkang yang cuba mempertikai dan memutarbelitkan fakta pelantikan itu.

Ada juga yang cuba melagakan Perdana Menteri dengan timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, kononnya pelantikan itu usaha untuk melantik Hishammuddin sebagai Timbalan Perdana Menteri bagi menyingkirkan Ahmad Zahid.

Biarpun, Ahmad Zahid sudah menyuarakan sokongan terhadap pelantikan berkenaan namun, pihak yang gemar memfitnah dan menjadi batu api, terutama pe-

mimpin pembangkang terus memberi komen negatif.

Ketua Ahli Parlimen DAP, Lim Kit Siang, misalnya memberi komen agak panas, bahawa ia langka Najib mengukuhkan kuasa dan mengelak rampasan kuasa sebelum atau selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Biasalah pembangkang, kalau tidak memburuk-burukkan Perdana Menteri atau pemimpin Barisan Nasional (BN), mereka tidak boleh meneruskan kelangsungan perjuangan.

## Pelantikan perkara biasa

Akhirnya, rakyat yang akan membuat penilaian dan menghukum mereka dalam pilihan raya, seperti dilakukan sebelum ini.

Sebenarnya, pelantikan Menteri Dengan Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri adalah perkara biasa yang pernah dilakukan Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein yang

juga ayahanda Najib.

Tun Razak melantik Tun Ghazali Shafie memegang jawatan itu pada 1972 hingga 1973 untuk merangka, merancang dan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Rancangan Malaysia Kedua.

Sebenarnya Menteri Dengan Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri bukanlah portfolio, tetapi tugas khas untuk membantu Perdana Menteri.

Ia merentasi kementerian dengan tugas khusus diarahkan Perdana Menteri serta berbeza dengan tugas Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Jika dikatakan untuk mempertahankan Najib, Ghazali atau 'King Ghaz' tidak pula menjadi ancaman kepada Timbalan Perdana Menteri ketika itu.

Oleh kerana Hishammuddin yang juga Menteri Pertahanan seorang yang kanan dalam Kabinet mahu pun UMNO (Naib Presiden) pelantikan itu tepat pada masa-

nya dan wajar disokong untuk kepentingan negara.

## Pernah jalan tugas khas

Ahmad Zahid yang juga Naib Presiden UMNO menjalankan tugas Timbalan Presiden saya fikir tidak terasa kerana sudah dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri yang pasti lebih tinggi dari jawatan Hishammuddin.

Seingat saya Hishammuddin juga pernah menjalankan tugas khas mengendalikan kes penerbangan MH17 yang ditembak jatuh di timur Ukraine pada 2014 selaku Menteri Pertahanan.

Beliau juga Pemangku Menteri Pengangkutan ketika negara dikejutkan pesawat MH370 hilang dari radar pada Mac 2014.

Bagi pandangan peribadi saya, pelantikan Hishammuddin lebih kepada pentadbiran dan membantu Perdana Menteri. Tiada kaitan mengukuhkan kuasa Najib.